

MODUL 15 - PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN

1. Urus niaga yang manakah merupakan pendapatan modal bagi kelab dan persatuan?

A Menerima komputer sebagai derma
 B Menerima yuran pertandingan
 C Faedah simpanan tetap
 D Keuntungan daripada aktiviti perniagaan kelab

SPM 2008

2. Persatuan Penduduk Setia Alam telah menerima derma untuk membina bangunan persatuan. Apakah kesan urus niaga tersebut?

A Menambahkan pendapatan hasil
 B Mengurangkan pendapatan hasil
 C Menambahkan pendapatan modal
 D Mengurangkan pendapatan modal

SPM 2009

3. Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Ping Pong Kenari.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2007		
Yuran	RM 500	
Maklumat tambahan:		
	1 Januari 2007	31 Disember 2007
	RM	RM
Yuran belum terima	40	80
Yuran belum terperoleh	-	30

Berapakah jumlah yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007?

A RM490
 B RM500
 C RM510
 D RM570

SPM 2008

4. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Badminton Sri Jaya.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007			
	RM		RM
Kadar bayaran	200	Yuran	2 450
Elaun jurulatih	500		
M	1 750		
	2 450		2 450

Apakah **M**?

A Baki h/b
 B Lebihan
 C Kurangan
 D Untung bersih

SPM 2008

5. Maklumat berikut diperoleh daripada Buku Tunai Kelab Sukan Sihat pada 31 Januari 2008.

	RM
Yuran Ahli	4 000
Kadar bayaran	150
Upah cuci gimnasium	200
Bayaran masuk	300

Berapakah baki akhir tunai?

- A RM3 350
- B RM3 750
- C RM3 950
- D RM4 650

SPM 2009

6. Apakah istilah yang digunakan untuk mewakili ekuiti pemilik bagi sebuah kelab dan persatuan?

- A Lebihan
- B Modal awal
- C Modal akhir
- D Dana terkumpul

SPM 2009

7. Apakah yang dimaksudkan dengan Yuran Belum Terima Awal?

- A Yuran tahun semasa yang belum diterima
- B Yuran tahun lepas yang belum diterima
- C Yuran tahun hadapan yang diterima awal
- D Yuran tahun hadapan yang belum diterima

SPM 2009

8. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Usahawan Muda SMK Damas

	RM
Akaun Belum Terima 1 Januari 2009	1 600
Akaun Belum Terima 31 Disember 2009	2 400
Jualan tunai	3 500
Kutipan daripada Akaun Belum Terima	4 650

Berapakah hasil jualan kelab tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2009?

- A RM3 500
- B RM5 450
- C RM8 150
- D RM8 950

SPM 2010

9. Rekod kewangan manakah yang hanya disediakan oleh sesebuah kelab dan persatuan?

- A Penyata Kedudukan Kewangan
- B Akaun Untung Rugi
- C Akaun Perdagangan
- D Akaun Penerimaan dan Pembayaran

SPM 2011

10. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Kembara Muda.

Akaun Yuran					
2009			RM	2009	
Jan. 1	Baki b/b		70	Jan. 1	Baki b/b
Dis. 31	J		1 060	Dis. 31	K
	Baki h/b		60		Baki h/b
			1 190		1 190

Apakah **J** dan **K**?

	J	K
A	Bank	Untung rugi
B	Untung rugi	Bank
C	Bank	Pendapatan dan perbelanjaan
D	Pendapatan dan perbelanjaan	Bank

SPM 2010

11. Akaun berikut diperolehi daripada buku Kelab Badminton Budi Mulia.

**Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
bagi tahun berakhir 31 Disember 2010**

	RM		RM
Belanja air dan elektrik	1 250	Yuran	2 600
Belanja membaiki	2 500	Jualan bulu tangkis	1 240
Gaji	3 000	M	2 910
	6 750		6 750

Apakah **M**?

- A** Lebihan
- B** Kurangan
- C** Untung bersih
- D** Rugi bersih

SPM 2011

12. Akaun Yuran berikut diambil daripada Kelab Kembara Muda bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

Akaun Yuran					
2011			RM	2011	
Jan. 1	Baki b/b		100	Dis. 31	Bank
Dis. 31	Pendapatan dan Perbelanjaan		1 300		Baki h/b
			1400		1400
2012					
Jan. 1	Baki b/b		200		

Apakah yang dimaksudkan baki b/b RM200 dalam akaun di atas?

- A** Yuran ahli yang belum dijelaskan untuk tahun 2010
- B** Yuran ahli yang belum dijelaskan untuk tahun 2011
- C** Yuran ahli yang telah dijelaskan untuk tahun 2011
- D** Yuran ahli yang telah dijelaskan untuk tahun 2012

SPM 2012

13. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada Kelab Sukan Mesra.

Kelab Sukan Mesra	
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2011	
	RM
Dana Terkumpul	
Dana terkumpul awal	8 500
Tambah : X	1 500
	10 000
Tambah : Yuran masuk	2 600
Dana terkumpul akhir	12 600

Apakah butiran X?

- A Untung
- B Lebihan
- C Untung bersih
- D Modal tambahan

SPM 2012

14. Akaun Perdagangan Kantin Kelab Riadah Taman Star menunjukkan untung berjumlah RM2 450. Untung tersebut akan dipindahkan ke

- A Akaun Yuran
- B Akaun Untung Rugi
- C Akaun Penerimaan dan Pembayaran
- D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

SPM 2013

15. Apakah butir pendapatan modal bagi kelab dan persatuan?

- A Untung minuman
- B Sewa alatan sukan
- C Faedah atas simpanan tetap
- D Derma untuk membina gelanggang

SPM 2013

16. Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Taman Serai pada 1 Januari 2012.

	RM
Bank	1 230
Lengkapan	3 200
Inventori cenderamata	800
Yuran belum terima	150
Akaun Belum Bayar cenderamata	740

Berapakah Dana Terkumpul pada tarikh tersebut?

- A RM4 640
- B RM4 520
- C RM4 320
- D RM4 220

SPM 2013

17. Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Badminton Suria pada 1 Januari 2015.

	RM
Alatan sukan	1 650
Tunai	250
Yuran belum terperoleh	60
Inventori bulu tangkis	36

Berapakah dana terkumpul pada tarikh tersebut?

- A RM1 804
- B RM1 876
- C RM1 924
- D RM1 996

SPM 2015

18. Persatuan Pengakap Daerah Kuala Muda Yan telah mengubah suai bangunan untuk menampung jumlah ahli yang semakin bertambah. Perkara ini akan direkodkan sebagai

- A belanja hasil
- B belanja modal
- C belanja operasi
- D belanja bukan operasi

SPM 2016

19. Maklumat berikut menunjukkan penerimaan dan pembayaran Kelab Penduduk Taman Pangkalan Jaya sepanjang bulan Januari 2015.

	RM
Baki 1 Januari 2015	200
Penerimaan	
Yuran	200
Derma	120
Yuran masuk	150
Pembayaran	
Alat tulis	40
Belanja am	20
Perabot baru	250

Berapakah baki Akaun Penerimaan dan Pembayaran pada 31 Januari 2015?

- A RM160
- B RM360
- C RM410
- D RM470

SPM 2015

20. Apakah istilah yang digunakan untuk mewakili ekuiti pemilik bagi sebuah kelab dan persatuan?

- A Lebihan
- B Modal awal
- C Modal akhir
- D Dana terkumpul

SPM 2017

21. Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Belia Taman Permai.

<u>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2014 (petikan)</u>	
	RM
Dana terkumpul awal	20 514
M	2 109
Dana terkumpul akhir	18 405

Apakah M?

- A Lebihan
- B Kurangan
- C Rugi bersih
- D Untung bersih

SPM 2015

22. Maklumat di bawah adalah perbezaan antara kelab dan persatuan dengan entiti perniagaan.

Kelab dan Persatuan	Entiti Perniagaan
Lebihan aset daripada liabiliti ialah dana terkumpul.	Lebihan aset daripada liabiliti ialah modal.

Apakah aspek perbezaan bagi maklumat di atas?

- A Ekuiti Pemilik
- B Sumber Maklumat
- C Penerimaan dan Pembayaran
- D Pendapatan dan Perbelanjaan

SPM 2016

23. Maklumat berikut diperoleh daripada bendahari Kelab Tennis Sri Coral.

	1 Januari 2015	31 Disember 2015
	RM	RM
Yuran belum terima	105	-
Yuran belum terperoleh	-	65

Jumlah yuran yang telah diterima untuk tahun 2015 ialah sebanyak RM3 180. Berapakah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2015?

- A RM3 010
- B RM3 140
- C RM3 220
- D RM3 350

SPM 2016

24. Apakah pendapatan modal bagi sebuah kelab dan persatuan?

- A Yuran ahli
- B Jualan minuman
- C Yuran pertandingan
- D Derma bina dewan serbaguna

SPM 2017